

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO WILLIAM MAWAN IKOM
[SARATOK]**

TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)

TAN SRI DATO WILLIAM MAWAN IKOM [SARATOK] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan berapa jumlah pinjaman yang telah diberikan Bank Rakyat kepada pembangunan koperasi-koperasi mengikut negeri, dan mengapa jumlah ini lebih kecil berbanding bank-bank lain.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Salah satu mandat yang telah diberikan oleh pihak Kerajaan kepada Bank Rakyat adalah untuk membiayai dan membantu koperasi-koperasi dalam membangunkan operasi perniagaan yang dilaksanakan. Berdasarkan kepada rekod setakat 31 Januari 2015, Bank Rakyat telah menyalurkan pembiayaan kepada **73 koperasi** dengan jumlah kelulusan sebanyak **RM2.95 billion** dengan baki pembiayaan sebanyak RM1.89 billion. Jumlah pembiayaan kepada Koperasi-Koperasi telah menyumbang sebanyak **40%** dari keseluruhan portfolio pembiayaan Perbankan Korporat Bank Rakyat.

Rekod pecahan pembiayaan yang telah diberikan oleh Bank Rakyat kepada pembangunan koperasi-koperasi mengikut negeri adalah seperti berikut :

- i) Di negeri **Selangor** dan **Kuala Lumpur**, terdapat sebanyak **47 Koperasi** yang dibiayai dengan jumlah kelulusan berjumlah **RM2.44 billion** dan baki pembiayaan berjumlah RM1.55 billion. Berdasarkan kepada angka yang dinyatakan, sebilangan besar daripada pembiayaan yang diberikan oleh pihak Bank Rakyat adalah kepada Koperasi-Koperasi yang berada di negeri Selangor dan Kuala Lumpur;
- ii) Bagi negeri-negeri lain, terdapat sebanyak **5 Koperasi** dari negeri **Sabah** dengan jumlah kelulusan sebanyak **RM57.86 juta** dengan baki pembiayaan sebanyak RM43.34 juta. Negeri **Terengganu** juga mencatatkan **5 bilangan Koperasi** dengan jumlah kelulusan berjumlah **RM50 juta** dan baki pembiayaan berjumlah RM17.77

juta. Diikuti dengan negeri **Pulau Pinang** sebanyak **3 Koperasi** dengan jumlah kelulusan berjumlah **RM43.50 juta** dan baki pembiayaan berjumlah RM17.66 juta.

- iii) Terdapat juga **2 bilangan Koperasi** yang dibiayai bagi setiap negeri seperti **Kedah** dengan jumlah kelulusan berjumlah **RM19.50 juta** dan baki pembiayaan berjumlah RM15.64 juta. Negeri **Perak** dengan jumlah kelulusan berjumlah **RM10.0 juta** dan baki pembiayaan berjumlah RM2.82 juta. Negeri **Johor** pula mencatatkan jumlah kelulusan sebanyak **RM4.29 juta** dan baki pembiayaan berjumlah RM4.20 juta. Negeri **Pahang** dengan jumlah kelulusan sebanyak **RM181 ribu** dan baki pembiayaan sebanyak RM16 ribu. Di negeri **Sarawak** pula, jumlah kelulusan adalah sebanyak **RM100 juta** dengan baki pembiayaan berjumlah RM56.50 juta.
- iv) Satu koperasi di negeri-negeri berikut iaitu **Negeri Sembilan** dengan nilai kelulusan sebanyak **RM268 ribu, Melaka (RM30 juta)** dan **Kelantan (RM196.50 juta)**; dan
- v) Tiada kelulusan diberikan kepada Koperasi di Perlis setakat ini.

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada rekod bagi tempoh 3 tahun lepas iaitu bagi tahun 2012, 2013 dan 2014, purata jumlah kelulusan kepada koperas-koperasi adalah sebanyak RM200.73 juta dan purata pengeluaran pembiayaan yang telah dikeluarkan oleh Bank Rakyat kepada koperasi adalah sebanyak RM270.65 juta. Bagi tahun 2015, Bank Rakyat telah mensasarkan kelulusan kepada Koperasi-Koperasi sebanyak RM250 juta dengan anggaran Pengeluaran pembiayaan sebanyak RM200 juta.

Ketika ini, tiada akses untuk mendapatkan rekod angka kelulusan yang diberikan oleh Bank-Bank lain kepada Koperasi-Koperasi. Kementerian percaya bahawa jumlah pembiayaan yang telah disalurkan oleh Bank Rakyat kepada Koperasi-Koperasi di seluruh negara dengan kelulusan sebanyak RM2.95 billion dan baki pembiayaan sebanyak RM1.89 billion telah membuktikan komitmen Bank Rakyat dalam membangunkan Sektor Koperasi.

Seterusnya Bank Rakyat akan terus menyokong pembangunan Koperasi-Koperasi di seluruh negara selaras dengan mandat yang telah diberikan oleh Kerajaan melalui seliaan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan.